



## KENYATAAN MEDIA

### **KPWKM SEDIA PETUGAS DAN BEKALAN MENCUKUPI HADAPI BENCANA GEMPA BUMI SABAH**

10 JUN, KOTA KINABALU - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bertindak pantas dalam membantu mangsa bencana gempa bumi yang melibatkan kawasan di Ranau, Sabah.

Seramai 20 orang pegawai JKM telah mula bertugas secara bergilir selama 24 jam sejak 5 Jun 2015 yang lalu. Bermula dari tarikh tersebut juga, JKM telah menyediakan segala bentuk keperluan asas termasuk makan dan minum kepada mangsa yang juga terdiri daripada pendaki Gunung Kinabalu.

Selain itu, bantuan segera berbentuk barangan harian dan wang tunai berjumlah RM 300.00 juga telah disalurkan kepada ahli keluarga malim yang menjadi mangsa. JKM juga mempertimbangkan bantuan bulanan lain yang layak sekiranya perlu.

Kementerian melalui JKM telah menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada malim dan ahli keluarga malim untuk mengatasi trauma akibat daripada kejadian yang menimpa.

Di samping itu, pegawai JKM turut bertugas di kawasan Biro Tata Negara (BTN) Kundasang, Helipad dan Taman Negara.

Di sini, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada agensi-agensinya yang terlibat khususnya BTN yang menyediakan tempat operasi bencana ini.

Kejadian ini merupakan pengalaman baharu bagi JKM dalam menghadapi bencana gempa bumi. Banyak perkara yang dipelajari daripada peristiwa ini dan akan digunakan bagi menambah baik perkhidmatan JKM. Semoga dengan kerjasama semua pihak, dapat membantu meringankan beban mangsa dan keluarga mangsa.

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**